

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang Akademik 2003/2004**

**September/Okttober 2003**

**RPK 351 – Ekonomi Bandar Dan Wilayah**

**Masa: 3 jam**

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT** soalan sahaja.

1. Sebuah kilang yang mengeluarkan bulu tangkis terpaksa bersaing dengan pengeluar bola tenis untuk mendapatkan lokasi berdekatan dengan pelabuhan pusat. Jumlah pengeluaran antara kedua firma tersebut diandaikan sama dan outputnya dijual dengan harga yang sama. Aktiviti manakah yang berjaya mendapatkan lokasi berdekatan dengan pelabuhan pusat? Mengapa?

(25 markah)

2. Terangkan 2 kaedah yang biasa digunakan pentadbir bandar untuk menangani masalah kesesakan jalanraya. Sehubungan dengan itu, berikan pendapat anda berkenaan pemilihan kaedah terbaik untuk mengatasi masalah kesesakan di Jambatan Pulau Pinang.

(25 markah)

3. Bincangkan kenyataan oleh seorang ahli korporat yang berjaya: “Firma ini tidak menggunakan teori lokasi untuk menentukan lokasinya. Saya memilih lokasi ini kerana ia jauh daripada keluarga saya”.

(25 markah)

4. (a) Terangkan dan bezakan di antara jenis-jenis ekonomi di bandar ini.

- i. Ekonomi perkelompokan
- ii. Ekonomi persetempatan
- iii. Ekonomi perbandaran

- (b) Jelaskan rasional pendekatan ekonomi terhadap masalah pencemaran alam sekitar di bandar-bandar. Sertakan contoh yang bersesuaian.

(25 markah)

...2/-

5. Ekonomi bandar merupakan nadi pembangunan bandar. Bincangkan strategi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi bandar selaras dengan pembangunan mampan.

(25 markah)

6. Bincangkan sejauhmanakah teori kutub pertumbuhan dapat menjelaskan pertumbuhan wilayah.

(25 markah)

7. Tuliskan nota ringkas berkenaan dengan perkara-perkara berikut:

- (a) analisis syif-syer, dan  
(b) analisis input-output

(25 markah)

8. (a) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan ketidakseimbangan wilayah di Malaysia.

- (b) Bincangkan strategi untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan wilayah itu.

(25 markah)

-ooo00ooo-